

Setia kawan politik harmonis

KU HASNAN KU HALIM

Politik adalah antara faktor penting dan perlu diberi perhatian dalam rangka memahami bentuk serta sifat setia kawan etnik dalam sesebuah masyarakat plural seperti Malaysia.

Hal ini kerana, politik sering dikaitkan dengan kuasa, pembentukan dan pelaksanaan dasar. Politik memberikan kuasa kepada sesuatu kelompok atau rejim untuk melaksanakan sesuatu mengikut hajat dan landasan pemikiran atau ideologi mereka.

Selepas memperoleh kemerdekaan 1963, Malaysia ialah negara yang mengamalkan sistem politik dan pemerintahan serta kerajaan yang berlandaskan prinsip Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan.

Dalam sistem demokrasi, kerajaan dipilih melalui pilihan raya secara berkala yang diadakan sekali dalam tempoh lima tahun. Pilihan raya diadakan bagi memperbaharui mandat yang diperolehi bagi sesebuah

kerajaan memerintah yang berasaskan prinsip demokrasi.

Sistem demokrasi dan amalan pilihan raya mengizinkan kewujudan dan penubuhan parti-parti politik bagi tujuan bertanding dalam pilihan raya. Setiap parti politik yang ditubuhkan mempunyai asas-asas serta prinsip perjuangannya yang tersendiri, termasuklah yang berasaskan ideologi tertentu dan parti-parti berteraskan kepentingan etnik dan perkauman.

Memahami persoalan hubungan timbal balik antara pembangunan politik dan setia kawan etnik, kita perlu menyentuh beberapa aspek kemajmukan masyarakat Malaysia yang mewarnai proses politik di Malaysia.

Evolusi langkah-langkah memupuk setia kawan etnik yang harmonis secara formal melalui institusi dan tindakan politik. Institusi dan tindakan politik yang dimaksudkan ialah reaksi terhadap Melayan Union, perjanjian persekutuan, penggabulan perlembagaan, pembentukan parti politik, pilihan raya

dan kerjasama parti-parti politik membentuk gabungan.

Permuafakatan, kefahaman, kerjasama dan penyatuan etnik merupakan unsur-unsur utama yang perlu dicapai dalam usaha Malaysia ke arah pembentukan 1 Malaysia. Hal ini kerana, setia kawan etnik yang harmoni dan sihat memainkan peranan penting dalam konteks pembangunan politik negara.

Setia kawan etnik di negara ini telah terjalin sejak sebelum merdeka lagi. Dari zaman penjajahan British sehingga Perang Dunia Kedua, setia kawan etnik telah melalui pasang surut seiring dengan perkembangan politik semasa. Keadaan bertambah baik apabila usaha ke arah mencapai kesepakatan dan kompromi politik dimulakan selepas perang dan menjadi lebih rancak lagi pada tahun 1950-an di Semenanjung Malaysia.

Selepas pembentukan Malaysia pada tahun 1963, pelbagai usaha dilakukan untuk memupuk semangat kerjasama dan penyatuan penduduk berbilang kaum dalam pembangunan politik negara. Secara

umumnya, proses politik di Sabah dan Sarawak diwarnai oleh pertubuhan parti-parti politik berasaskan kepentingan kelompok etnik tertentu sejak penghujung tahun 1950-an, namun pada masa sama usaha-usaha untuk memupuk perpaduan etnik melalui kerjasama politik turut dijalankan hingga kini.

Dengan usaha berterusan dan gigih yang dijalankan oleh pelbagai pihak, negara kita pada hari ini bukan sahaja dapat menikmati kestabilan politik, malah sedang menuju ke arah penyatuan dan keharmonian etnik.

Keadaan ini membantu mencapai perpaduan penduduk berbilang etnik dan meletakkan landasan asas bagi Malaysia menuju pembentukan Gagasan 1 Malaysia yang dikemukakan Perdana Menteri dalam hasrat beliau untuk melahirkan sebuah negara unggul dan disanjung tinggi.

Usaha memelihara setia kawan etnik yang harmoni selaras dengan perkembangan politik negara merupakan cabaran besar yang di-

hadapi oleh Malaysia yang dihuni oleh penduduk pelbagai etnik daripada latar belakang, budaya, bahasa, agama, dan adat resam yang berlainan.

Masyarakat berbilang etnik di Malaysia telah mengharungi tahap kerenggangan, ketegangan, pertelingkahan antara etnik sehingga kita berusaha menuju ke arah penyatuan dan keharmonian etnik sejak dari zaman penjajahan British sehingga ke hari ini.

Untuk itu, kita telah melalui pelbagai cabaran, masalah dan kesukaran dalam melahirkan setia kawan etnik yang sihat, pada masa sama kita juga telah berjaya menyelesaikan masalah dan isu perkauman yang wujud sehingga tercapai kerjasama, permuafakatan dan kompromi politik antara etnik.

** Penulis ialah Pensyarah Kanan
Jabatan Sains Sosial
Pusat Pengajian Umum
Universiti Tun Hussein Onn*